

NO. SOALAN: 194

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

RUJUKAN : 7274

SOALAN:

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan jumlah tuan punya dan pengusaha-
pengusaha judi siber di Limbang yang telah, sedang dan akan
didakwa daripada serbuan dan penangkapan hasil kerja keras oleh
PDRM di Limbang sejak 2013 hingga saat ini.**

JAWAPAN:

Pihak PDRM, khasnya Jabatan Siasatan Jenayah amat peka dan sensitif kepada isu-isu berkaitan perjudian haram terutama yang melibatkan penggunaan internet di seluruh negara. Jabatan ini sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang boleh menjejaskan imej negara.

Secara statistiknya, daripada operasi yang dilaksanakan untuk tempoh dua tahun sahaja iaitu pada 2013 dan 2014 (berakhir Ogos), pihak Polis telah berjaya merampas sejumlah 197,477 unit komputer di seluruh negara yang dianggarkan berjumlah RM197,477,000 atas anggaran RM1,000 setiap komputer yang dirampas. Disamping itu dalam tempoh yang sama, seramai 2,500 orang telah didakwa di bawah Seksyen 4B Akta Rumah Judi Terbuka dan 1,753 orang didakwa di bawah Seksyen 5(2), Enakmen Hiburan di seluruh negara.

Bagi daerah Limbang, statistik serbuan premis mesin perjudian, tangkapan dan rampasan adalah seperti berikut;

DAERAH	SERBUAN		SERBUAN BERJAYA		TANGKAPAN		RAMPASAN MESIN		JUMLAH IP		JUMLAH TUDUH	
	2013	2014	2013	2014	2013	2014	2013	2014	2013	2014	2013	2014
LIMBANG	1589	236	68	165	329	254	856	1958	68	165	25	103

Usaha dan tindakan yang diambil oleh polis melalui operasi yang dilakukan secara agresif dan berterusan dilihat dapat mengekang gejala ini dari terus berlaku, namun demikian usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa ada penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis di samping orang ramai perlu menghindari aktiviti yang tidak sihat ini. Aktiviti perjudian akan terus wujud jika ada permintaan daripada masyarakat.